

**MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
[KES NO: 16/3-2080/18]**

DI ANTARA

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PERUSAHAAN MEMBUAT TEKSTIL
DAN PAKAIAN JOHOR**

DAN

YKK (MALAYSIA) SDN BHD

AWARD NO. 2525 TAHUN 2018

Di Hadapan : **Y. A. PUAN SUMATHI MURUGIAH - Pengerusi**

Tempat : Mahkamah Perusahaan Malaysia Cawangan Johor

Tarikh Rujukan : 24.07.2018.

Tarikh Sebutan : 04.09.2018; 04.10.2018.

Tarikh Perbicaraan : -

Perwakilan : *Bagi pihak menuntut - Ramdan Rahmat; Bendahari Kesatuan*

Bagi pihak responden - Kevin Lim; T/n Andrew Wong & Co; menyebut bagi pihak T/n Josephine, LK Chow & Co

Rujukan:

Ini adalah suatu rujukan yang dibuat di bawah Seksyen 26(2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang timbul dari pertikaian di antara **Kesatuan Pekerja-Pekerja Perusahaan Membuat Tekstil Dan Pakaian Johor** (selepas ini disebut sebagai "Pihak Kesatuan) dan **YKK (Malaysia) Sdn. Bhd.** (selepas ini disebut sebagai "Pihak Responden") mengenai **Pihak Majikan Mempertikaikan Status Pekerja-Pekerja Untuk Menjadi Ahli Kesatuan.** Kes

ini telah dirujuk oleh Y. B. Menteri Sumber Manusia pada 24.07.2018 dan diterima oleh Mahkamah Perusahaan ini pada 06.08.2018.

AWARD PEMBATALAN

[1] Kes ini telah ditetapkan untuk sebutan pertama pada 04.09.2018. Sebutan seterusnya telah ditetapkan pada 04.10.2018.

[2] Pada sebutan bertarikh 04.10.2018, Bendahari Kesatuan yang mewakili Pihak Kesatuan telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa Pihak Kesatuan ingin menarik balik kes tuntutan mereka terhadap Pihak Responden.

[3] Berdasarkan kepada permohonan Pihak Kesatuan tersebut, mahkamah memerintahkan kes ini dibatalkan tanpa kebebasan untuk menghidupkan semula kes.

DIPERTURUNKAN DAN BERTARIKH 10^{HB}. OKTOBER 2018.

**(SUMATHI MURUGIAH)
PENGERUSI
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
CAWANGAN JOHOR**

Perundangan yang dirujuk:

Akta Perhubungan Perusahaan 1967, s. 26(2)